

MENANGANI CABARAN UMAT ISLAM ERA MODEN (Addressing Challenges of Muslims in Modern Era)

Oleh:
Mohd Roslan Mohd Nor*

Abstrak

Pada era moden ini umat Islam sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang melanda mereka. Cabaran-cabaran tersebut perlu ditangani sebaiknya supaya ia dapat diselesaikan dengan baik dan tidak menjadi barah dalam kehidupan masyarakat. Kertas ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa cabaran yang dihadapi oleh umat Islam di rantau Asia Tenggara, terutama di Malaysia. Kertas ini membawa kepada perbincangan cabaran-cabaran tersebut dan mencadangkan jalan penyelesaian yang perlu diambil dalam menanganinya.

Kata kunci: *cabaran umat Islam, era moden, Malaysia, Melayu, Asia Tenggara*

Abstract

In modern era, Muslims are faced with various challenges which need to be addressed. This is in order to resolve the issues related to them properly instead of becoming cancerous bodies in the public life. This paper seeks to explain some of the challenges Muslims encounter in Southeast Asia, especially in Malaysia. This paper discusses some those challenges and proposes some solutions accordingly.

Keywords: *challenges of Muslims, modern era, Malaysia, Malays, Southeast Asia*

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke dunia telah memberikan satu kesan yang besar sehingga berjaya menolak corak hidup jahiliyyah dan memberi harapan baru transisi masyarakat Arab dari zaman gelap ke zaman menghormati norma-norma kehidupan bermasyarakat. Islam berkembang dengan cepat sehingga dapat menguasai al-jazirah dan beberapa wilayah lain di al-Sham, Mesir, Afrika Utara dan Iraq dalam masa 50 tahun yang pertama.

Pada zaman permulaannya iaitu ketika Nabi Muhammad SAW masih ada, persoalan yang timbul terus dirujuk kepada baginda. Generasi selepas baginda juga dijamin sebagai generasi terbaik. Pada ketika itu, soal pemikiran Islam yang timbul boleh dijawab dengan baik kerana mereka hampir dengan sumber utama.

Pada zaman moden ini, Islam berhadapan dengan penjajahan pemikiran dalam bentuk yang berbeza. Anita M. Weiss menyatakan bahawa Islam di zaman moden ini berhadapan dengan pelbagai cabaran, samada luaran mahupun dalaman.

* Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui emel: m_roslan@um.edu.my.

Masyarakat Islam berdepan dengan dilemma dan kecelaruan budaya, mempengaruhi pemikiran mereka dalam situasi untuk mempertahankan tradisi atau melakukan perubahan modenisasi.¹

Dalam era globalisasi yang dihadapi sekarang ini memperlihatkan suasana baru dalam kehidupan masyarakat dunia dan masyarakat Islam itu sendiri. Sri Mulyati menyatakan bahawa kita boleh melihat globalisasi yang berlaku samada ia sebagai ancaman atau ia sebagai cabaran, bergantung bagaimana cara melihat dan menghadapi suasana baru ini.²

Dalam masyarakat Islam secara umum, beberapa persoalan pemikiran wujud dan berlegar dikalangan masyarakat. Ada kalanya ia ditimbulkan oleh ilmuan-ilmuan Islam dan dalam banyak keadaan ia ditimbulkan oleh golongan bukan Islam yang cuba untuk mendalami Islam. Oleh yang demikian, persoalan mengenai pemikiran ini tidak dapat dielakkan disebabkan pelbagai faktor seperti perubahan zaman, masa dan tempat. Ia terjadi disebabkan beberapa faktor seperti wujudnya usaha serangan yang dikenali sebagai *ghazwah al-fikri* dan *ghazwah al-thaqafi* ke atas umat Islam. Ini adalah bentuk-bentuk serangan *indirect* yang dilakukan bagi meruntuhkan pegangan agama masyarakat Islam, seterusnya boleh meruntuhkan terus Islam itu sendiri.

Serangan *indirect* ini sememangnya mengancam kedudukan masyarakat terutama golongan muda dan remaja yang menjadi sasaran, kerana golongan ini yang dilihat berpotensi untuk dilemahkan melalui pengaruh-pengaruh budaya luar yang merosakkan. Sebenarnya, serangan secara direct turut dilakukan dalam keadaan kita sedar ataupun tidak. Ini boleh dikatakan berlaku selepas kebangkitan intifadah ke-2 rakyat Palestin pada tahun 2000 dan diikuti dengan peristiwa yang mencorak lanskap baru dunia iaitu serangan menara berkembar WTC di Washington pada 11 September 2001. Kebangkitan rakyat Palestin pada tahun 2000 itu dapat dipintas oleh barat dengan alasan untuk menentang keganasan selepas peristiwa 9/11 tersebut. Seterusnya, peristiwa ini digunakan sebagai lesen untuk menjajah umat Islam di Afghanistan dan Iraq disamping mereka terus mencengkam kehidupan rakyat Palestin bagi memberi laluan kepada rejim Zionis untuk melebarkan kuasa dan kezaliman mereka.

Karen Armstrong menyatakan beliau pernah pada tahun 2000 membuat jangkaan bahawa sekiranya umat Islam berterusan terasa diri mereka ditindas dan agama mereka diserang, maka golongan *fundamentalist* Islam akan melakukan perkara yang lebih ganas dalam bentuk yang baru.³ Walaupun Armstrong sering dilihat sebagai golongan yang simpati terhadap Islam, tetapi penulis melihat apa yang difikirkan sarjana barat itu sebenarnya menunjukkan ada sikap prejudis

¹ Anita M. Weiss (1994), 'Challenges for Muslim Women in a Postmodern World,' dalam Akbar S Ahmed dan Hastings Donnan, *Islam, Globalization and Postmodernity*, London: Routledge, h. 127.

² Sri Mulyati (2008), 'Islam and Global Challenges: The Universal Value of Islam and Its Contribution to the Global Community,' dalam Farinia Fianto (et. al), *Islam & Universal Values; Islam's Contribution to the Construction of Pluralistic World*, Jakarta: International Center for Islam and Pluralism, h. 20 – 21.

³ Karen Armstrong (2001), *Islam: A Short History*, London: Phoenix Press, h. 159.

dikalangan bukan Muslim terhadap umat Islam. Mereka seperti mempunyai perasaan dan sikap *double standard* apabila berhadapan dengan Muslim. Ini suatu perkara yang tidak membantu ke arah mewujudkan suasana dunia yang damai. Sekiranya barat yang menjuarai dunia hari ini jujur, pasti mereka boleh melihat kembali apakah polisi mereka terhadap umat Islam, bagaimana mereka membiarkan rejim Zionis terus bermaharajalela sehinggakan konflik yang berlaku seawal abad ke 20 itu masih belum dapat diselesaikan sehingga sekarang. Persoalan sinis dari beberapa pemikir Islam mempersoalkan kenapa Amerika tidak memberikan satu daripada negeri mereka untuk dijadikan negara Israel? Mengapa tanah asal rakyat Palestin yang dijadikan mangsa, tanah dirampas, penduduknya dihalau dan dibunuh dengan kejam? Sepatutnya, disebabkan Eropah yang menindas kaum Yahudi sejak begitu lama, merekalah yang perlu mencari tanah di kawasan mereka sebagai tanda memohon maaf dan bersimpati kepada golongan Yahudi, bukan menjadikan Islam dan Palestin sebagai sasaran.

Walaupun ada serangan-serangan pemikiran yang berlaku, tetapi umat Islam tidak sangat dilanda dengan sekularisasi berbanding dengan agama-agama lain. Ini dinyatakan dengan jelas oleh Earnest Gellner yang mengatakan bahawa sepanjang 100 tahun yang lalu, pegangan umat Islam tidak terancam, bahkan keyakinan mereka terhadap agama kemungkinan bertambah.⁴ Tidak dapat tidak, pejuang-pejuang Islam abad ke 19 dan 20 Masihi banyak memainkan peranan, terutama di ambang kejatuhan dan selepas kejatuhan kerajaan Islam terakhir yang memerintah dunia iaitu kerajaan Turki Uthmaniyyah yang ditamatkan riwayat pada tahun 1924. Kejatuhan pemerintahan Islam ini ada kaitan dengan sekularisasi yang berlaku, namun demikian, kesedaran masyarakat Islam telah berjaya sedikit sebanyak menyekat unsur-unsur sekularisasi ini daripada merebak. Ia telah membawa kepada kesedaran yang tinggi dikalangan masyarakat untuk mempertahankan ajaran agama yang menatijahkan wujud keutuhan kefahaman dan ulama' terus berperanan dalam menyedarkan masyarakat tentang Islam.

Tokoh-tokoh Islamis awal seperti Jamaludin al-Afghani, Muhamad Abduh, Rashid Reda, Hasan al-Banna dan lain-lain pemikir telah memberi kesedaran kepada masyarakat Islam supaya tidak terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran moden yang boleh menyebabkan umat Islam terjajah.

Budaya Hedonisme Menjajah umat Islam

Budaya hedonisme adalah perkara yang perlu dihadapi oleh umat ini. Hedonisme menurut pengertian Kamus Dewan ialah pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup.⁵ Ia berkait juga dengan sikap suka berhibur, suka kepada hiburan sehingga boleh melalaikan seseorang dari tujuan utama mereka diutuskan di atas muka bumi.

⁴ Ernest Gellner (1994), 'Foreword', dalam Akbar S Ahmed dan Hastings Donnan, *Islam, Globalization and Postmodernity*, London: Routledge, h. xi.

⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (1994), *Kamus Dewan Edisi ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 448

Oleh sebab itu Islam sangat memandang berat pemikiran-pemikiran yang cuba mengganggu umat Islam. Hal ini kerana sekiranya pemikiran-pemikiran ini tidak dikawal, ia mampu merosakkan aqidah umat Islam. Sedangkan Aqidah berfungsi sebagai tonggak seluruh perancangan hidup manusia khususnya yang menyentuh aspek perancangan ummah.⁶

Tanpa pegangan Akidah yang kukuh, akan menyebabkan sesiapa sahaja mudah diresapi dengan serangan pemikiran yang dilancarkan ke atas umat Islam. Corak kehidupan dan budaya umat Islam dikritik kerana tidak selari dengan kehendak modenisasi. Umat Islam dikatakan perlu mengikut budaya barat untuk turut sama berada dalam kelompok bangsa maju tersebut. Jika tidak, umat Islam akan terus dipandang sebagai masyarakat kelas ketiga yang mempunyai mentaliti yang rendah. Maryam Jameelah menyebutkan bahawa:

“So powerful has become the sway of Western cultural values in Muslim countries that many of our educated elite have reached the conclusion that we are most backward because our indigeneous fine arts never attained this degree of development. In order to revitalize and enrich our defective culture, they regard it essential to import wholesale all those artistic forms characteristic Europe.”⁷

Walaupun Maryam bercakap dalam ruang lingkup kesenian, tetapi ia tetap memberi kesan kepada pemikiran umat Islam secara keseluruhan di mana tanggapan salah yang sering belegar difikiran umat ialah semua yang datang dari barat itu mencerminkan suatu pencapaian yang tinggi dan perlu ditiru. Jika ini yang berlegar difikiran rakyat dan elit penguasa, maka sudah tentulah kesannya akan dirasai oleh rakyat. Kewujudan rancangan-rancangan hiburan yang sungguh banyak di saluran TV tanahair turut mempunyai pengaruh dari barat. Rancangan Malaysian Idol sememangnya terkesan dengan rancangan hiburan American Idol yang begitu popular di kalangan masyarakat yang suka hiburan di Amerika. Rancangan-rancangan hiburan dibawa masuk atas alasan untuk memenuhi permintaan masyarakat. Apakah benar rakyat yang minta? Atau syarikat-syarikat penyiaran ini ingin mengaut keuntungan sahaja? Penulis berpendapat sepatutnya jika benar kerajaan ingin melahirkan modal insan berkualiti, aspek hiburan ini mesti dikurangkan ke tahap minima. Elakkan masyarakat kita dari suka kepada hiburan, jadikan mereka ini golongan yang suka kepada ilmu.

Kewujudan kelab-kelab hiburan mesti dipantau dan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Apabila masyarakat suka kepada budaya hedonisme, mereka akan menjadi rakyat yang kurang berfikir, dan ini pasti akan memberi kesan dalam membangunkan negara. Orang yang suka kepada hedonisme dikhuatiri tidak mementingkan pengajian mengenai Islam, lalu ia akan menjadi golongan paling mudah untuk diresapi pemikiran-pemikiran yang salah. Apabila minda mereka

⁶ Mohd Fauzi bin Hamat (2002), Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini, dalam *Jurnal Usuluddin Bil 16*, h. 13

⁷ Maryam Jameelah (1976), *Islam in Theory and Practice*, Lahore: Mohammad Yusuf Khan, h. 75.

dijajah oleh perkara-perkara yang salah, maka natijahnya akan melahirkan insan yang berfikir dalam kerangka yang tidak Islamik, mempunyai pandangan alam yang tidak tuntas, malah akan merosakkan umat secara keseluruhannya.

Gender Dijadikan Agenda Sasaran

Perkara yang turut melatari serangan ke atas pemikiran Islam ialah perkara berkaitan gender. Pejuang-pejuang wanita sering menjadikan isu gender sebagai sasaran. Di negara ini, kumpulan SIS telah mengadakan program Musawah⁸ yang antara tujuannya dikatakan adalah untuk memperjuangkan kesaksamaan wanita. Peserta dari seluruh dunia dijemput untuk bersama-sama memikirkan kaedah untuk memperjuangkan hak wanita dan membebaskan mereka dari penindasan atas nama agama dan atas nama hukum syarak. Ada di antara mereka menganggap bahawa undang-undang keluarga Islam yang ada seperti memberi ketidakadilan kepada wanita. Lebih parah, ada yang menganggap Islam menindas kaum wanita, tidak memberi kebebasan dan mengongkong wanita daripada melakukan aktiviti kemasyarakatan.

Sebenarnya apabila kita meneliti sejarah Islam, jaminan hak ke atas kaum lelaki mahupun wanita tidak pernah menjadi persoalan diskriminasi. Islam yang hadir di Jazirah Arab telah menyelamatkan kaum wanita daripada menjadi mangsa diskriminasi kaum jahiliyah yang tidak lansung memberi ruang kepada anak-anak perempuan yang dilahirkan untuk hidup. Anak-anak tersebut dibunuh dengan zalim kerana masyarakat Jahiliyah tidak mahu keluarga mereka ditimpa sial kerana memiliki anak perempuan. Kedatangan Islam terus membela kaum yang tertindas ini dan semenjak dari awal lagi pengiktirafan diberi kepada golongan wanita.

Peranan wanita terus diberi perhatian ketika Islam berkembang ke wilayah-wilayah sekitar Jazirah. Mereka berperanan mengambil bahagian dalam misi-misi ketenteraan, memainkan peranan penting dalam peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW, terlibat dalam majlis-majlis ilmu sehinggalah mereka diiktiraf sebagai sumber periwayatan Hadith yang sememangnya mempunyai satu disiplin yang sangat ketat.

Justeru penindasan kepada wanita bukanlah disebabkan oleh Islam. Pertama: ia disebabkan oleh kejahilan dalam memahami dan menjalankan syariat itu sendiri. Ia juga disebabkan sikap prejudis sesetengah pihak kepada wanita. Ini terjadi ke atas semua bangsa dan agama, bukannya agama Islam semata-mata. Kedua: atas faktor budaya dan amalan masyarakat setempat. Ini perlu difahami kerana budaya sesetengah tempat seperti di Afganistan umpamanya di mana wanita perlu memakai burdah bukan atas paksaan Islam, tetapi ia lebih kepada budaya

⁸ Program ini dinamakan Persidangan Global Musawah Mengenai Tuntutan Kesaksamaan dan Keadilan dalam Keluarga Islam (Musawah) diadakan di Hotel Prince, Kuala Lumpur pada 13 – 17 Februari 2009. Ia dilancarkan oleh Penasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, dihadiri lebih 250 peserta termasuk aktivis, sarjana, penggubal polisi, ahli Parlimen, usahawan dan golongan profesional dari 47 buah Negara.

kehidupan di kawasan kering, berdebu dan berbukit-bukau yang tidak mempunyai hutan seperti di kawasan-kawasan khatulistiwa. Oleh sebab itu mereka memerlukan pelindung kepada badan-badan mereka daripada debu-debu dan kepanasan yang melampau.

Jika dilihat melalui kaca mata sejarah, masyarakat Eropah yang dikatakan maju tersebut juga pernah menindas kaum wanita. Golongan ini tidak mendapat tempat, malah tidak mendapat pembelaan yang wajar. Oleh sebab itu timbul gerakan-gerakan pembebasan wanita di barat untuk memperjuangkan hak wanita tersebut. Namun, mereka telah membuat kesimpulan umum dengan menyatakan wanita Islam tidak bebas. Mereka melihat persoalan tudung, jubah dan menutup aurat itu sebagai suatu yang merimaskan wanita dan wanita Islam perlu dibebaskan dari pakaian yang menutup aurat tersebut.

Pada mereka biarlah wanita dibenarkan berbikini dan seksi dengan alasan untuk menyerlahkan potensi wanita. Mereka tidak pernah memikirkan soal ketidakadilan ini kerana ia boleh merosakkan minda kaum lelaki. *Sex harrasment* atau gangguan seksual yang dibincangkan hanyalah jika ada gangguan kepada kaum wanita oleh kaum lelaki. Tetapi tidak dibincangkan gangguan seksual yang berlaku ke atas kaum lelaki disebabkan oleh kegilaan wanita mengenakan pakaian singkat ala bikini, *spaghetti strip* atau *body fit* dengan skirt pendek menyelak peha yang dipakai oleh wanita-wanita bebas. Malah disesetengah tempat di Eropah, wanita juga ada hak untuk bertelanjang di tengah-tengah bandar untuk menikmati kesejukan air dikala musim panas melanda. Begitu juga wujud kumpulan yang dikenali sebagai *naturalist*, bergerak di kawasan-kawasan tertentu tanpa memakai seurat benang antara lelaki dan wanita kerana menghormati alam dan tidak mahu merosakkan alam disebabkan pakaian yang dipakai adalah hasil daripada bahan-bahan yang datang dari alam. Pada mereka bahan-bahan yang diambil dari alam ini boleh merosakkan alam, dan lebih baik tidak memakai pakaian-pakaian kerana protes ke atas kerosakan alam yang berlaku.

Serangan pemikiran sebegini telah menyerap masuk ke Nusantara dengan Indonesia dilihat terkehadapan dalam hal perjuangan gender ini. Seorang tokoh dari negara tersebut, Prof Dr Musdah Mulia telah mendapat anugerah pengiktirafan dari Amerika Syarikat pada 7 Mac 2007 di atas usaha yang dilakukan dalam menyebarkan fahaman sebegini di sana. Bukan sekadar beliau mempersoalkan hukum hakam yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam, turut diperjuangkan ialah hak untuk berhubungan antara sesama sejenis atau lebih tepat hak homoseksual, iaitu gay atau lesbian. Katanya:

“Menurut hemat saya, yang dilarang dalam teks-teks suci tersebut lebih tertuju kepada perilaku seksualnya, bukan pada orientasi seksualnya. Mengapa? Sebab, menjadi heteroseksual, homoseksual (gay dan lesbi), dan biseksual adalah kodrati, sesuatu yang “given” atau dalam bahasa fikih disebut sunnatullah. Sementara perilaku seksual bersifat konstruksi manusia... Jika hubungan sejenis atau homo, baik gay atau lesbi

sungguh-sungguh menjamin kepada pencapaian-pencapaian tujuan dasar tadi maka hubungan demikian dapat diterima.”⁹

Mengapa peristiwa yang berlaku pada kaum Lut tidak dijadikan sempadan dan pengajaran hidup? Penulis yakin perkara ini diketahui oleh sebahagian besar sarjana-sarjana Islam di mana sahaja mereka berada, di negara ini atau di negara-negara jiran kerana kitab utama rujukan umat Islam iaitu al-Quran itu adalah kitab yang sama yang digunakan oleh umat Islam. Pastilah di dalam kitab ini mempunyai *ibrah* yang perlu diteladani oleh umat Islam. Soal homoseksual ini pernah disentuh di dalam Surah Al-A'raf: 80 – 84 dan Surah Hud: 82. Jika ditinjau dalam Surah Hud, Allah SWT berfirman:

“Maka tatkala datang azab Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu yang di atas ke bawah (Kami balikkan), dan Kami hujani mereka dengan batu dari tanah-tanah yang terbakar dengan bertubi-tubi.”

(Surah Hud: 82)

Inilah amaran Allah SWT bagi mereka yang melakukan kerosakan diri, tidak menjaga Maqasid Syariah iaitu *hifz al-nasl* atau menjaga nasab keturunan. Perbuatan yang tidak mempunyai nilai kemanusiaan ini sepatutnya tidak diberi tempat dalam masyarakat. Namun seakan dunia sudah terbalik, golongan ini mendapat pengiktirafan oleh dunia dan negara-negara barat. Lalu negara-negara yang tidak mahu mengiktirah golongan homo ini akan dipandang sinis, dilihat kolot dan tidak terbuka. Oleh itu wujud gerakan-gerakan dan suara yang ingin supaya ia dibenarkan. Ingatlah, Islam mempunyai syariat untuk menjaga umat manusia daripada melakukan kerosakan. Islam tidak pernah sesekali membenarkan perbuatan yang menyalahi syariat, walaupun ulama'-ulama' besar silih berganti, mereka tidak pernah melonggarkan hukum hakam yang telah digariskan oleh al-Quran dan diterjemahkan oleh Nabi Muhammad SAW melalui perbuatan, ucapan dan taqirir baginda sepanjang membawa obor Islam selama 23 tahun. Yusuf al-Qaradawi menegaskan bahawa sesiapa yang mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan perbuatan yang haram, ia sama dengan melakukan syirik.¹⁰ Ini juga selari dengan apa yang terkandung di dalam al-Quran berdasarkan firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah diharamkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah al-Maidah: 87)

Pemikiran Islam Liberal Mendokong Perjuangan Gender

Perjuangan kesaksamaan gender yang dijadikan agenda utama kelompok pejuang wanita mempunyai kesinambungan dari pemikiran liberal yang melanda pemikir-

⁹ Untuk huraian lebih jauh, sila lihat *Majalah Tabligh MTDK PP Muhammadiyah*, Mei 2008.

¹⁰ Yusuf al-Qaradawi (2003), *The Lawful and the Prohibited in Islam*, (terj.) Kamal el-Helbawy, M Moinuddin Siddiqui dan Syed Shukry, UK: Al-Birr Foundation, h. 10.

pemikir Islam, sehingga kelompok ini lebih dikenali sebagai Islam liberal. Seperti juga perjuangan gender, Islam liberal berkembang begitu hebat di negara jiran iaitu di Indonesia, sehingga wujud satu pertubuhan Jaringan Islam Liberal (JIL) ditubuhkan untuk membawa agenda baru bagi membawa Islam dalam wajah yang lebih liberal. Pemikir-pemikir liberal melihat bahawa hukum hakam yang digariskan oleh pemuka-pemuka mazhab tidak seharusnya diikuti semuanya, bahkan ia hanya pandangan pemuka-pemuka tersebut yang belum tentu betul dan relevan dalam konteks semasa. Inilah yang diungkapkan umpamanya oleh Soheib Bencheikh bahawa:

“no reform can occur unless the sacred element is removed from Islamic law (al-Fiqh), because it is too easy to just say: apply Shari’a law... but this word also refers to the work of human beings. Whichever the school that has studied shari’a law, these are human constructions that were elaborated between the ninth and the thirteenth centuries of Christian era. They represent a boy of work that sought to bring about justice and therefore deserve respect, but they were conceived for a tribal, clan and patriarchal society pervaded by a warlike spirit.”¹¹

Perkara yang ditimbulkan ini dilihat bertujuan untuk merungkai satu ketetapan yang telah diambil oleh para ulama’ silam dalam menafsirkan Islam serta menjadikan perbincangan soal amal ibadat itu lebih terarah dan tersusun. Mereka tidak lagi mahu mengikut pandangan-pandangan ulama’ silam ini seterusnya membebaskan diri dari mazhab dan menggunakan akal bagi menafsirkan Quran dan Hadith bagi diselarikan dengan keadaan semasa. Sebenarnya “persoalan yang dikemukakan lebih kepada mempersoalkan kenapa Islam terlalu ‘rigid’ sehingga tidak boleh memberi kebebasan kepada penganutnya.”¹² Oleh yang demikian wujud gagasan yang ingin meliberalkan situasi dan kembali menggunakan kebebasan berfikir untuk menterjemahkan hukum hakam berdasarkan masa dan tempat. Apa yang perlu difahami ialah *Qawaid Fiqh* lebih dahulu menyebutkan bahawa sesuatu hukum itu boleh berubah mengikut perubahan zaman dan tempat. Jadi persoalan perubahan hokum ini bukanlah sesuatu yang baru kerana pintu kepadanya memang dibuka oleh Islam. Tetapi yang menjadi persoalan ialah apakah setiap orang berhak dan setiap orang mampu untuk menafsirkan segala nas yang ada? Inilah yang harus difikirkan. Cuba bayangkan seseorang yang tidak menutup aurat menafsirkan nas lalu menyeru masyarakat Islam dengan seruan bahawa tidak ada nas yang jelas menyuruh manusia menutup aurat. Begitu juga keadaan di mana nas ditafsirkan oleh sarjana bukan Islam, lalu membuat keputusan bahawa masyarakat Islam tidak perlu terikat dengan nas tersebut. Apa yang akan berlaku kepada umat Islam? Sudah tentulah akan wujud kecelaruan dan

¹¹ Soheib Bencheikh (2008), ‘Globalization, Islam and Francophonie,’ dalam Farinia Fianto (et. al), *Islam & Universal Values; Islam’s Contribution to the Construction of Pluralistic World*, Jakarta: International Center for Islam and Pluralism, h. 17.

¹² Mohd Roslan Mohd Nor (2009), ‘Pengaruh Orientalis Dalam Pemikiran Islam Liberal,’ dalam Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Eds), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*, Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, h. 195-196.

pasti umat Islam akan berpecah dengan pemikiran berkecamuk untuk memihak kepada siapa... Siapa yang perlu diikuti? Siapa yang wajar menafsirkan nas? Ini semua sudah dibincangkan oleh para ulama' terdahulu bahawa tidak semua orang boleh melakukan ijtihad atau menafsirkan nas. Ini kerana ia memerlukan kekuatan penguasaan terhadap ilmu. Sebab itulah agama Islam sehingga hari ini dapat bertahan kerana disiplin ilmu itu terus dijaga, walaupun ada juga onak dan duri dalam perjalanannya di mana wujud golongan-golongan yang ingin membebaskan dari ikatan pandangan ulama'.

Islam tidak membenarkan umatnya mengikut secara membuta tuli atau istilahnya *taqlid al-A'ama*. Ibn al-Jawzi menyebutkan bahawa orang yang mengikut membuta tuli tidak mempunyai keyakinan terhadap apa yang diikutnya. Meniru dalam perbuatan hanyalah usaha yang menyekat kemampuan intelek, yang mana intelek itu diberi untuk berfikir dan kemampuan mencari alasan atau dalil. Ia merupakan sesuatu yang tidak cerdas apabila seseorang diberi kemampuan dan cahaya untuk menunjuk jalan, tetapi tidak digunakannya malah memilih untuk berjalan di dalam gelap.¹³

Seorang sarjana negara jiran yang dikenalpasti umum sebagai pendokong liberal, Nurcholis, menyatakan:

*According to the Qur'an, all religions are essentially Islam, because all religion mean to surrender to oneself to God, and all followers of religion are Muslims in the sense that they are people who surrender themselves to God.*¹⁴

Pernyataan di atas menunjukkan bagaimana pemikir Muslim yang telah diserap dengan prinsip liberal dan menggunakan metode liberal dalam mengeluarkan pandangan beliau terhadap Islam. Lalu apa yang dikatakan beliau seperti ungkapan yang menyamatarafkan semua agama yang ada di atas muka bumi ini dengan Islam. Ini satu kekeliruan yang amat jelas samada dibuat tanpa sengaja mahupun ia sebenarnya mungkin telah disengajakan. Ia juga ada kemungkinan terpengaruh dengan pandangan sarjana-sarjana yang mengeluarkan pandangan tidak berdasarkan sumber yang jelas dalam Islam lalu meletakkan Islam sebaris dengan agama-agama lain.

Inilah suatu pemikiran yang berkait juga dengan pluralisme agama yang ingin melihat semua ada itu pada kedudukan yang sama. Tokoh dari kalangan Kristian turut menolak pluralisme agama. Pada tahun 2000, Vatikan menerbitkan penjelasan Dominus Jesus.¹⁵ Penjelasan ini, selain menolak gagasan pluralisme

¹³ Lihat pandangan beliau dalam Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj Abd al-Rahman ibn Ali (1982), *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Qalam, h. 81.

¹⁴ Ucapan beliau di International Seminar 'Islam and Universal Values: Islam's Contribution to the Construction of a Pluralistic World, Jakarta, 18 Mac 2004. Lihat selanjutnya Nurcholis Majid (2008), 'Islam and Tolerance in Indonesia,' dalam Farinia Fianto (et. al), *Islam & Universal Values: Islam's Contribution to the Construction of Pluralistic World*, Jakarta: International Center for Islam and Pluralism, h. 36. Nurcholis meninggal dunia pada 29 Ogos 2005.

¹⁵ Lihat *Dominus Iesus*, Wikipedia: http://en.wikipedia.org/wiki/Dominus_Iesus

agama, juga menegaskan kembali bahawa hanya Jesus Christ sahaja yang merupakan perantara ketuhanan dan tidak ada orang yang boleh berhubung dengan Tuhan Bapa selain melalui Jesus. Oleh itu, jelas bahawa gagasan pluralisme agama yang dipelopori oleh John Hick mendapat pelbagai reaksi keras dikalangan Muslim malah turut tidak dipersetujui oleh Vatican itu sendiri.

Ia sebenarnya membawa kepada satu gagasan iaitu segala identiti kebudayaan, kepercayaan dan agama perlu dilebur atau disesuaikan dengan zaman moden. Pendokong pluralisme agama yakin bahawa agama-agama itu akan melalui proses evolusi dan akan saling selari antara satu sama lain. Akhirnya mereka percaya akan sampai satu ketika di mana tidak akan ada lagi perbezaan antara satu agama dengan agama lainnya. Agama-agama yang ada di atas muka bumi ini akhirnya akan bergabung menjadi satu. Tidak guna lagi mempunyai agama yang berbeza. Ia perlu disatukan. Berdasarkan tanggapan inilah menyebabkan John Hick memperkenalkan konsep pluralisme agama dengan gagasannya yang ia sebut sebagai *global theology*. Selain Hick, Wilfred Cantwell Smith juga merupakan diantara tokoh pluralisme agama yang terkenal, dari McGill Islamic Studies. Manakala tokoh-tokoh lain dapat dilihat dari tulisan Hick dalam karyanya berjudul *Problems of Religious Pluralism*.¹⁶

Apakah Islam tidak terbuka kepada perubahan?

Bersedia Islam lebih terbuka dalam menghadapi perubahan dunia? Bagaimana dengan syariat Islam, apakah akan turut bersedia untuk berubah? Penulis melihat persoalan ini sebagai persoalan yang perlu dijawab dan dihalusi bagi menanggapi salah-faham terhadap Islam. Salah satu daripada sifat Islam ialah *al-murunah*, iaitu bersifat anjal. Ini bermakna Islam itu sesuai mengikut perkembangan waktu dan peredaran zaman. Jika Islam tidak sesuai untuk sesuatu zaman, sudah tentu kita akan melihat bahawa Islam terkubur dan tidak lagi menjadi agama yang dianuti oleh masyarakat seluruh dunia. Kelangsungan Islam sehingga dapat menjadi agama utama dunia kini pasti membuka minda masyarakat untuk mencari apakah kekuatan yang ada pada agama itu.

Bagaimanapun, dalam soal syariat, ada aspek-aspek yang perlu diperhatikan. Islam tidak menukar syariatnya sepanjang agama ini dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Perkara yang mewarnai sejarah ialah terdapat pelbagai penafsiran terhadap Islam. Namun apabila diperhalusi, pelbagai penafsiran yang wujud itu masih lagi berada dalam ruang lingkup nas yang ada. Perbezaannya adalah dalam memahami nas, bukannya menolak nas atau menolak syariat yang telah diturunkan kepada umat Islam ini. Hatta perbincangan mengenai hal gender atau lebih tepat hal ehwal wanita juga diwarnai dengan perbezaan dalam memahami nas, bukan kepada menafikan sesuatu hukum yang telah ditetapkan. Contohnya dalam hal memahami 3 kali suci untuk *iddah* wanita, perkataan *Quru'* yang merupakan perkataan asing bagi bangsa Arab ditafsirkan dengan pelbagai makna. Namun, kepelbagaian penafsiran itu tidak menafikan kepentingan 3 kali

¹⁶ John Hick (1985), *Problems of Religious Pluralism*, US: McMillan.

suci tersebut. Malah yang lebih penting dari itu ialah penafsiran yang ada wujud dikalangan ulama' yang membincangkannya, bukan dikalangan *juhala'*. Pandangan *juhala'* tidak diambil kira dalam Islam malah ia tertolak sama sekali. Bayangkan apa akan jadi kepada kita pada hari ini sekiranya masyarakat mengikut pandangan-pandangan serpihan para *juhala'*? Tentulah akan huru-hara. Tiada sesiapa yang mahu mengikutnya kecuali orang-orang yang jahil juga, kerana orang jahil hanya boleh memperdaya golongan jahil. Begitu juga seumpama orang yang sakit pergi bertemu dengan cikgu, mestilah mereka tidak mahu mengikut kata cikgu kerana pandangan doktor dalam konteks ini adalah lebih *awla* untuk diikuti.

Oleh yang demikian, sesuatu perubahan yang menganjalkan Islam mestilah dalam ruanglingkup yang tidak terkeluar dari panduan Ilahi. Ada yang beranggapan mereka boleh menolak pandangan ulama' dan mengikut apa yang difahami sendiri kerana melihat bahawa Islam bersifat terbuka. Inilah apa yang cuba dilakukan oleh golongan musuh yang cuba memanipulasi penjajahan pemikiran ala barat di mana masyarakat barat sudah tidak mahu terikat dengan paderi-paderi dan gereja mereka. Mereka mahu bebas dari pandangan orang alim mereka. Kesannya masyarakat Islam yang terpengaruh cuba untuk mengikut apa yang berlaku di barat. Mujurlah dikalangan umat Islam masih wujud golongan-golongan yang mempertahankan kesucian agama. Golongan ini akan terus wujud membela Islam dari dicemari unsur-unsur luaran yang memutarbelitkan fakta-fakta agama. Nabi Muhammad SAW bersabda, maksudnya:

Akan sentiasa wujud dikalangan umatku satu golongan yang akan memperjuang dan mempertahankan Islam, mereka tidak gusar dengan ancaman orang yang ingin memudaratkan mereka atau orang yang menentang mereka, sehinggalah datangnya perintah dari Allah SWT, dan mereka tetap dalam keadaan tersebut (yakni berjuang).¹⁷

Pendidikan Sebagai Asas Merekayasa Umat Menghadapi Penjajahan Pemikiran Moden

Penjajahan pemikiran dalam bentuk moden ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa ada sebarang usaha untuk menghadapi cabaran tersebut. Umat Islam memerlukan agenda bertindak yang tersusun agar dapat menangkis cabaran dan tohmahan yang cuba dilontar ke atas agama ini. Kata-kata masyhur yang sering dilafazkan oleh masyarakat harus direnungi iaitu *kebenaran yang tidak tersusun akan ditewaskan oleh kebatilan yang tersusun*. Oleh yang demikian, beberapa langkah boleh diambil untuk merekayasa umat Islam dalam menghadapi cabaran di zaman global, di mana berlaku juga apa yang dikenali sebagai perang maklumat disebabkan oleh perkembangan teknologi pada era 'langit terbuka' kini.

¹⁷ Bukhari dan Muslim.

Seharusnya umat Islam sedar bahawa cabaran yang mereka hadapi adalah *real*. Ia bukan sesuatu yang bersifat rekaan dan sebagainya. Cabaran ini adalah sebahagian dari kelangsungan usaha yang dijalankan oleh golongan yang tidak suka kepada perkembangan Islam dan umatnya. Golongan sebegini wujud dan akan terus mencari jalan untuk memadamkan cahaya agama di atas muka bumi. Oleh yang demikian, agenda bertindak umat Islam perlulah didasari atas keinsafan terhadap firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidak akan sesekali reda ke atas kamu orang-orang Yahudi dan Nasrani selagi kamu tidak mengikut agama (cara hidup dan kehendak) mereka”

(Surah al-Baqarah: 120)

Perkara utama yang mesti diperbetulkan kembali ialah soal pendidikan kepada generasi muda, merangkumi golongan remaja dan belia. Yusuf al-Qaradawi dalam hal ini menegaskan bahawa aspek pendidikan ini sebenarnya merupakan perkara yang perlu diutamakan. Ia termasuk agenda penting Islam dan harus difahami sebagai *awlawiyat* dan tanggungjawab untuk dilangsaikan.¹⁸ Pendidikan haruslah bermula dari awal. Penulis prolific dan sarjana Muslim, Abdullah Nasih Ulwan melahirkan keprihatinan ini iaitu pendidikan mesti diberi kepada anak-anak mengikut petunjuk-petunjuk yang telah digariskan oleh agama. Pada pandangan beliau, kepentingan pendidikan kepada generasi akan datang itu bermula seawal seseorang berhasrat untuk memilih pasangan hidupnya. Ini dapat dilihat dengan penekanan beliau kepada soal perkahwinan dan pertaliannya dengan pendidikan seperti termaktub di dalam bukunya pada bab atau fasal yang paling utama.¹⁹

Pendidikan akan membolehkan umat keluar dari kegelapan dan kekeliruan yang cuba dimainkan oleh sesetengah pihak. Allah SWT telah mengingatkan umat manusia supaya tidak mengikut golongan yang sesat atau cuba menyesatkan umat. Firman Allah SWT:

بِنَاكَ عَلَى شَرِيْعَةٍ مِّنَ الْاِسْمِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَوْ لَا تَتَّبِعْ اَهْوَاءَ الْاَذْنِ لَا يَعْلَمُونَ

Kemudian Kami jadikan engkau berada di atas satu Syariat (yang cukup lengkap) dari urusan itu (hukum-hukum agama); maka turutlah Syariat itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).
(Surah al-Jathiyah: 18)

Meletak pendidikan sebagai perkara utama ini juga turut ditekankan oleh Mawdudi sehingga beliau menukulkan ‘tiada Islam tanpa ilmu pengetahuan.’ Pada pandangan beliau, Islam merangkumi dua perkara utama iaitu pertamanya ilmu dan keduanya ialah mengamalkan ilmu tersebut. Seseorang tidak akan dapat memahami keadaan sekelilingnya tanpa ilmu. Begitulah seterusnya beliau mengatakan betapa dapat dilihat dengan jelas mustahil untuk menjadi Muslim dan berterusan menjadi Muslim yang jahil. Dilahirkan sebagai Islam, mempunyai

¹⁸ Yusuf al-Qaradawi (2005), *Priorities of the Islamic Movement in the Coming Phase*, UK: Awakening Publications.

¹⁹ Abdullah Nasih Ulwan (2008), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Vol. 1, Cet. ke-15, (terj.) Syed Ahmad Semait, Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 37 – 57.

nama Islam, berpakaian cara Islam dan menggelarkan diri sebagai Muslim sebenarnya masih tidak cukup, kerana Muslim yang hakiki itu mereka mengetahui apa pendirian Islam dan mereka turut berpegang teguh kepada ajaran agama walau apa cabaran atau tohmahan yang dilemparkan kepada Islam dan umatnya. Kejahilan itu perlu diubat dengan ilmu dan cara mendapat ilmu tersebut adalah melalui pendidikan. “*Knowledge, the first step*”, nukil Mawdudi.²⁰

Lihatlah betapa Islam mementingkan perkara ini dengan pengajaran daripada wahyu pertama yang diturunkan melalui kalimah suci *Iqra'*, membawa maksud supaya membaca, iaitulah penekanan terhadap kepentingan pendidikan demi untuk mendapat ilmu itu sendiri. Masyarakat yang berilmu inilah akan menjadi generasi tegar yang akan mempertahankan umat dari serangan-serangan pemikiran dan mereka akan sentiasa bersedia menghadapi aspek-aspek penjajahan pemikiran moden.

Penutup

Seperti yang dibicarakan, cabaran yang dihadapi oleh umat Islam kini bukan sahaja berbentuk serangan fizikal tetapi ia turut melibatkan serangan pemikiran dalam menanggapi perubahan yang berlaku pada zaman ini. Ada dikalangan sarjana barat yang cuba menyerang dari aspek psikologi manusia dengan mengatakan bahawa selepas keruntuhan kuasa soviet, maka musuh barat seterusnya adalah Islam. Mereka ini telah menjangkakan akan berlaku pertembungan tamadun antara barat dan Islam. Perang psikologi ini akhirnya memberi kekuatan kepada barat untuk memerangi Islam dengan diciptakan pelbagai alasan untuk membenarkan serangan fizikal ke atas umat Islam. Secara umumnya, masyarakat Islam menjadi mangsa kerana minda masih lagi dijajah. Umat Islam masih melihat segala yang dibarat itu adalah manifestasi kemajuan, sedangkan kemajuan fizikal mega-mewah itulah yang sering ditegur oleh Ibn Khaldun di mana beliau meramalkan melalui teori kitaran tamadunnya bahawa akan berlaku pertukaran tamadun berasaskan peradaran zaman. Sesuatu yang dipuncak itu pasti akan mengalami kemunduran, dan kemunduran inilah yang sangat digusari barat kerana mereka tidak bersedia untuk berada di bawah kuasa lain terutama kuasa Islam, walaupun sejarah membuktikan di bawah pemerintahan Islam-lah masyarakat Kristian dan Yahudi boleh tinggal secara aman damai dalam sebuah negara. Oleh yang demikian, umat Islam harus membebaskan diri dari cengkaman penjajahan pemikiran ini agar dapat bangkit semula untuk menguasai dunia dalam bentuk baru. Ia hanya dapat dilakukan sekiranya umat Islam sedar bahawa agama Islam ini satu agama yang akan membawa manusia hidup pada alaf mendatang walau apa cabaran yang dihadapi. Bebaskan minda dari penjajahan pemikiran moden demi mewujudkan dunia baru yang aman damai itu.

²⁰ Sayyid Abul A'la Mawdudi (1991), *Let Us Be Muslims*, (ed.) Khurram Murad, Kuala Lumpur: A S Noordeen, h. 47 – 50.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan (2008), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Vol. 1, Cet. ke-15, (terj.) Syed Ahmad Semait, Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Abu al-Faraj Abd al-Rahman ibn Ali Ibn al-Jawzi (1982), *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Qalam.
- Anita M. Weiss (1994), 'Challenges for Muslim Women in a Postmodern World,' dalam Akbar S Ahmed dan Hastings Donnan, *Islam, Globalization and Postmodernity*, London: Routledge.
- Ernest Gellner (1994), 'Foreword', dalam Akbar S Ahmed dan Hastings Donnan, *Islam, Globalization and Postmodernity*, London: Routledge.
- John Hick (1985), *Problems of Religious Pluralism*, US: McMillan.
- Karen Armstrong (2001), *Islam: A Short History*, London: Phoenix Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (1994), *Kamus Dewan Edisi ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maryam Jameelah (1976), *Islam in Theory and Practice*, Lahore: Mohammad Yusuf Khan.
- Mohd Fauzi bin Hamat (2002), Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini, *Jurnal Usuluddin Bil 16*.
- Mohd Roslan Mohd Nor (2009), 'Pengaruh Orientalis Dalam Pemikiran Islam Liberal,' dalam Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Eds), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*, Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, h. 195-208.
- Nurcholis Majid (2008), 'Islam and Tolerance in Indonesia,' dalam Farinia Fianto (et. al), *Islam & Universal Values; Islam's Contribution to the Construction of Pluralistic World*, Jakarta: International Center for Islam and Pluralism.
- Sayyid Abul A'la Mawdudi (1991), *Let Us Be Muslims*, (ed.) Khurram Murad, Kuala Lumpur: A S Noordeen.
- Soheib Bencheikh (2008), 'Globalization, Islam and Francophonie,' dalam Farinia Fianto (et. al), *Islam & Universal Values; Islam's Contribution to the Construction of Pluralistic World*, Jakarta: International Center for Islam and Pluralism.
- Sri Mulyati (2008), 'Islam and Global Challenges: The Universal Value of Islam and Its Contribution to the Global Community,' dalam Farinia Fianto (et. al),

Islam & Universal Values; Islam's Contribution to the Construction of Pluralistic World, Jakarta: International Center for Islam and Pluralism.

Yusuf al-Qaradawi (2003), *The Lawful and the Prohibited in Islam*, (terj.) Kamal el-Helbawy, M Moinuddin Siddiqui dan Syed Shukry, UK: Al-Birr Foundation.

Yusuf al-Qaradawi (2005), *Priorities of the Islamic Movement in the Coming Phase*, UK: Awakening Publications.